

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10 / 05 / 1983

10 / 5 / 83

# Jepun nak beri bantuan kebudayaan \$1.5j pada institusi di Malaysia

**K**UALA LUMPUR 9 Mei — Jepun telah bersetuju untuk memberikan bantuan kebudayaan berjumlah kira-kira \$1.5 juta kepada berbagai-bagai institusi di Malaysia di bawah geran kebudayaan negara itu.

Di bawah geran itu, Jepun akan menubuhkan sebuah makmal bahasa di Universiti Kebangsaan Malaysia, menyediakan sistem komputer mikro bagi jabatan kerajaan dan perlengkapan penyelidikan bagi Institut Sukan Negara untuk mempertinggi mutu sukan di Malaysia.

Dalam taklimatnya kepada para pemberita di Hotel Hilton petang ini, jurucakap rombongan Perdana Menteri Jepun, Yoshio Karita memberitahu bahawa setiap institusi itu akan mendapat setengah juta ringgit.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zakaria Ali pula dalam taklimatnya yang berasingan berkata isu-isu ekonomi menjadi pokok perbincangan para pemimpin dua pihak yang berlangsung selama tiga jam di Bangunan Parlimen.

Menurut beliau, Perdana Menteri Datuk

Sri Dr. Mahathir Mohamad telah memberitahu rakan sejawatnya, Encik Yasuhiro Nakasone bahawa perdagangan dua hala sekarang masih menguntungkan Jepun.

“Oleh itu Malaysia telah meminta untuk mengeksport lebih banyak ke Jepun, bukan sahaja barangan-barangan tetapi juga barang-barang siap.

## Imbangan

“Perdana Menteri Jepun berkata beliau sanggup menimbangkan cara-cara untuk memperbaiki imbangan perdagangan kedua negara itu”, kata Tan Sri Zakaria.

Menurut beliau, Jepun ingin mengadakan sebarang rancangan tetap kerjasama dalam sains dan teknologi di antara negara-negara ASEAN dengan Jepun.

Encik Nakasone juga mengesyorkan supaya satu persidangan mengenai sains dan teknologi diadakan di peringkat untuk membincangkan kerjasama seperti itu.

Tan Sri Zakaria berkata, Datuk Sri Dr. Mahathir mengalu-alukan syor itu dan ber-

kata persidangan itu akan mendorong pemindahan teknologi pada tahap yang sesuai.

Dalam perbincangan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyatakan penghargaannya kepada Jepun yang memberikan kredit yen untuk membiayai pembangunan Malaysia.

Menurut Ketua Setiausaha itu, Perdana Menteri telah memberitahu rakan sejawatnya bahawa beberapa rancangan pembangunan khususnya infrastruktur di negara ini telah dirangka semasa pendapatan negara masih lumayan.

“Walau bagaimanapun, pendapatan negara kita sudah merosot dan dengan itu kita memerlukan bantuan untuk membiayai pelaksanaan projek-projek tersebut”, tambahnya.

Selain itu, Tan Sri Zakaria berkata, Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie telah meminta Encik Nakasone memberitahu Presiden Amerika Syarikat Ronald Reagan dalam sidang kemuncak ekonomi di Williamsburg, Amerika akhir Mei supaya menjelaskan prinsip hubungan di antara kuasa besar dengan negara-negara dunia ketiga.